

# XANAPAM TABLET

Alprazolam (0.5mg dan 1mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini:

- Apakah kegunaan Xanax Tablet
- Bagaimana Xanax Tablet berfungsi
- Sebelum mengambil Xanax Tablet
- Cara mengambil Xanax Tablet
- Semasa menggunakan Xanax Tablet
- Kesan-kesan sampingan
- Cara penyimpanan dan pelupusan Xanax Tablet
- Maklumat lanjut
- Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
- Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Xanax Tablet

Alprazolam adalah kandungan aktif Xanax Tablet 0.5mg atau 1mg. Ia digunakan untuk mengawal gangguan keresahan, kelegaan jangka pendek keresahan atau keresahan yang berkaitan dengan simptom-simptom kemurungan. Ia digunakan juga untuk mengawal gangguan panik dengan atau tanpa agoraphobia (keresahan dan ketakutan yang amat seperti berada di tempat yang mana sukar untuk terlepas diri atau di mana tiada pertolongan yang dapat diperolehi).

## Bagaimana Xanax Tablet berfungsi

Alprazolam adalah sejenis benzodiazepine yang bertindak ke atas bahan-bahan kimia di dalam otak.

## Sebelum mengambil Xanax Tablet

### Bila tidak boleh mengambil

- Jika anda hipersensitif terhadap Alprazolam atau bahan-bahan lain dalam Xanax Tablet.
- Jika anda mempunyai sejarah hipersensitif terhadap mana-mana ubat benzodiazepine.
- Jika anda mempunyai masalah pernafasan, insufisiensi paru-paru akut (kegagalan injap paru-paru untuk mengelakkan aliran darah terbalikkan ke dalam jantung) dan masalah hati yang teruk.

- Tidak disarankan untuk rawatan fobia (ketakutan yang kekal terhadap sesuatu benda atau situasi), keadaan obsesif (penyakit keresahan yang dicirikan dengan pemikiran intrusif yang menyebabkan ketidaksenangan, kebimbangan, ketakutan atau kerisauan, tingkah laku yang berulangan bertujuan mengurangkan keresahan yang terlibat) dan psikosis kronik.
- Jika anda menggunakan untuk keresahan ringan untuk jangka masa pendek seperti keresahan dan tekanan hidup. Ia juga tidak boleh digunakan untuk rawatan kronik jangka panjang.

## Sebelum mula mengambil

Anda mesti beritahu doktor anda jika:

- Anda alergi terhadap mana-mana ubat-ubatan yang diambil sebelum ini untuk merawat keadaan sekarang.
- Anda hamil, merancang untuk hamil atau menyusu.
- Jika anda di bawah umur 18 tahun, kerana keselamatan dan keberkesanan Alprazolam tidak dapat ditentukan.

## Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda sedang mengambil mana-mana ubat berikut:

- Depresan Sistem Saraf Pusat – peningkatan kesan sedatif dan masalah pernafasan atau jantung mungkin berlaku.
- Antidepresan seperti imipramine dan desipramine: kepekatan darah mereka mungkin akan dipertingkatkan.
- Antiepileptik seperti carbamazepine, phenobarbitone dan phenytoin: kesan alprazolam mungkin dikurangkan.
- Antagonis H<sub>2</sub> seperti cimetidine: kesan alprazolam mungkin dipertingkatkan.
- Disulfiram mungkin meningkatkan kesan alprazolam, jadi tindakbalasnya perlu diperhatikan.

- Antifungal seperti ketoconazole mungkin meningkatkan kepekatan benzodiazepine dalam darah dan kesan sedatifnya.
- Erythromycin: penggunaan serentak mungkin mengurangkan perkumuhan alprazolam dan mungkin meningkatkan kesan famakologi ubat ini.

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda sedang mengambil mana-mana ubat, termasuk tonik herba, pelengkap tambahan dan ubat yang dibeli tanpa preskripsi.

## Cara mengambil Xanax Tablet

Sentiasa mengambil ubat ini seperti yang diberitahu oleh doktor. Anda sepatutnya merujuk kepada doctor atau ahli farmasi anda sekiranya anda tidak pasti.

### Berapa banyak harus digunakan

Keresahan:

Dos permulaan yang biasa: 0.25mg hingga 0.5mg tiga kali sehari.

Julat dos biasa: 0.5mg-4mg sehari secara pembahagian dos.

Kemurungan:

Dos permulaan yang biasa: 0.5mg tiga kali sehari.

Julat dos biasa: 1.5mg-4.5mg sehari secara pembahagian dos.

Warga tua atau pesakit-pesakit yang lemah:

Dos permulaan yang biasa: 0.25mg dua atau tiga kali sehari.

Julat dos biasa: 0.5mg-0.75mg sehari secara pembahagian dos.

Gangguan berkaitan dengan panik:

Dos permulaan yang biasa: 0.5mg hingga 1mg pada waktu malam sebelum tidur atau 0.5mg tiga kali sehari.

Julat dos biasa: dos perlu diubahsuai mengikut tindak balas pesakit. Peningkatan dos tidak seharusnya melebihi 1mg setiap 3 atau 4 hari. Dos tambahan boleh ditambah sehingga 3-4 kali ganda dos harian tetapi tidak melebihi dos maksimum 10mg sehari.

### Bila perlu digunakan

Doktor akan menentukan bila adalah sesuai untuk anda menggunakan

Xanax Tablet mengikut keadaan anda. Ia hendaklah diambil secara oral dengan segelas air.

#### Berapa lama perlu digunakan

Terus guna Xanax Tablet sepanjang mana doktor syorkan.

#### Sekiranya anda TERLUPA UNTUK MENGAMBIL

- Sekiranya anda terlupa satu dos, ambil dos itu dengan segera sebaik sahaja teringat.
- Tetapi, sekiranya telah hamper masa untuk dos berikutnya, abaikan dos yang tertinggal.
- Jangan mengambil dos berganda untuk menggantikan dos yang dilupa.

#### Sekiranya anda mengambil berlebihan (terlebih dos)

Simptom-simptom termasuklah ataksia (kekurangan koordinasi pergerakan otot), mengantuk, koordinasi terjejas, percakapan tidak jelas, konfusi, koma dan kehilangan reflex (tindakbalas semulajadi terhadap ransangan saraf). Simptom-simptom lain seperti tekanan darah rendah, sawan, kesukaran bernafas dan apnea (pernafasan terhenti) mungkin juga berlaku.

Pengguna adalah dinasihatkan untuk pergi ke hospital terdekat sekiranya terlebih dos berlaku.

#### Semasa menggunakan Xanax Tablet

##### Perkara yang perlu dilakukan

- Hubungi doktor anda sekiranya simptom-simptom anda tidak bertambah baik.
- Hubungi doktor sekiranya anda menjadi hamil semasa mengambil Xanax Tablet.
- Berhati-hati dengan sediaan ini kerana ia mungkin menyebabkan pembentukan tabiat jika digunakan untuk jangka masa panjang.
- Beritahu doktor anda sekiranya anda mempunyai penyakit hati alkoholik. Dos harian mungkin perlu dikurangkan.

##### Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan beri Xanax Tablet kepada orang lain walaupun simptom-simptom atau keadaan mereka serupa seperti anda. Doktor anda mempreskrib Xanax Tablet untuk anda dan keadaan anda.

##### Perkara yang perlu diberi perhatian

- Produk ini mungkin menyebabkan mengantuk. Anda tidak sepatutnya memandu atau mengoperasi apa-apa mesin.
- Anafilaksis (reaksi alergi yang teruk) dan angioedema (bengkak pada muka yang teruk) mungkin akan berlaku seawal kali pertama mengambilnya.
- Tingkah-laku kompleks berkaitan dengan tidur mungkin termasuklah memandu semasa tidur, menelefon, menyedia dan memakan makanan semasa tidur.

#### Kesan-sesan sampingan

Seperti ubat-ubat lain, Xanax Tablet mempunyai kesan sampingan walaupun bukan semua akan mendapatnya. Kesan-sesan sampingan berikut mungkin akan terjadi dengan ubat ini:

- Paling biasa: mengantuk, sedasi, ataksia (terutamanya dalam kalangan warga tua), konfusi, *light-headedness* pada kebesokan hari, amnesia, penggantungan, ruam, perubahan nafsu berahi, gangguan darah, jaundis dan retensi urin.
- Kurang biasa: penglihatan kabur, gangguan koordinasi, sakit kepala, gayat, hipotensi, perubahan peliuran dan gangguan gastrointestinal.
- Seperti benzodiazepine-benzodiazepine yang lain, reaksi paradoksikal (tidak seperti biasa atau normal) misalnya halusinasi, konfusi, stimulasi, agitasi atau kesan tingkah laku yang lain mungkin akan berlaku tetapi jarang.

Sekiranya mana-mana kesan sampingan menjadi serius, atau anda mengalami kesan sampingan yang tidak disenaraikan dalam risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda. Berjumpa dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda

was-was atau untuk maklumat selanjutnya.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my)

(Consumers→Reporting)

#### **Cara penyimpanan dan pelupusan Xanax Tablet**

##### Cara Penyimpanan

Jangan guna selepas tarikh tamat tempoh yang dinyatakan pada bungkusan. Tarikh tamat tempoh merujuk kepada hari terakhir bulan tersebut.

Simpan dalam bekas tertutup di bawah 25°C. Lindungi daripada cahaya.

##### **Jauhi dari kanak-kanak.**

##### Pelupusan

Ubat-ubatan tidak seharusnya dilupuskan melalui sisa air atau sisa isi rumah. Tanya ahli farmasi anda cara-cara pelupusan ubat-ubatan yang tidak lagi diperlukan. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

#### **Maklumat lanjut**

##### Rupa dan warna produk

##### **Xanax 0.5mg Tablet**

Tablet ini berwarna merah jambu, berskor, leper, berbentuk bujur, saiz 7.7x5.25mm

##### **Xanax 1.0mg Tablet**

Tablet ini berwarna biru, leper, berskor, berbentuk bujur, saiz 7.7x5.25mm

Ia dibekalkan dalam pek blister 50 x 10's.

##### Bahan-bahan Kandungan

- Xanax 0.5mg tablet mengandungi 0.5mg Alprazolam.
- Bahan-bahan kandungan lain termasuklah *microcrystalline cellulose pH10I*, *potato starch*, *corn starch*, *lactose*, *magnesium stearate* dan *Cochineal Red A*.
- Xanax 1mg tablet mengandungi 1mg Alprazolam.
- Bahan-bahan kandungan lain termasuklah *microcrystalline cellulose pH10I*, *potato starch*, *corn starch*, *lactose*, *magnesium stearate* dan *indigocarmine*.

**Xanax 0.5mg:**  
**MAL NO: MAL19992138A**  
**Xanax 1mg:**  
**MAL NO: MAL19992139A**

**Pengilang dan Pemegang Pendaftaran  
Produk**

Malaysian Pharmaceutical Industries Sdn  
Bhd.  
Plot 14, Lebuhraya Kampung Jawa,  
11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang,  
Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP**

Risalah dikemaskini pada 15/04/2015

**Nombor Siri:**

BPFK(R4/1)060315/00036